

Kerjasama KL-Tokyo terus diperluas

Lawatan Abdullah tingkat usaha sama bangunkan teknologi pengeluaran makanan

SU kenaikan harga dan masalah bekalan makanan yang kini dihadapi masyarakat global khususnya di negara Asia Timur, ternyata menjadi tumpuan utama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena lawatan kerja tiga hari ke Tokyo yang berakhir Sabtu lalu.

Menyedari keperluan usaha secara bersama dalam menangani masalah berkenaan, Perdana Menteri menggunakan beberapa program dihidrinya untuk membangkitkan isu yang ada hubung kait dengan usaha ke arah menghasilkan lebih banyak bekalan makanan dan pada harga berpatutan.

Selain masalah kemiskinan, isu berkaitan barang makanan di rantau Asia Timur diburukkan lagi oleh bencana alam yang melanda beberapa negara rantau ini, termasuk taufan di Myanmar dan gempa bumi di China. Ia menjadi semakin getir berikutan kenaikan harga minyak yang kini berlegar sekitar AS\$130 setong.

Masalah ini sekiranya tidak ditangani segera dan sebaik mungkin boleh menjuruskan kepada masalah lain lebih serius, termasuk memburukkan lagi masalah kemiskinan sedia ada dan juga mendorong tindak balas negatif daripada rakyat, sekali gus menjejaskan kestabilan kerajaan.

Justeru, Abdullah menggunakan kesempatan ketika menyampaikan ucap-tama bertemakan 'Kerjasama Untuk Keamanan dan Kemakmuran di Asia Timur' pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-14, di Tokyo Jumaat lalu, untuk menekankan pentingnya dilaksanakan usaha bersama dalam kerjasama serantau dan membantu memudahkan bekalan beras.

Bagi negara rantau ini terutama Asean, ia sememangnya akan menjadi keutamaan ekoran kemunculan berterusan masalah keselamatan makanan.

Perdana Menteri antara lain menggesa diperkukuhkan pelan Rizab Keselamatan Makanan Asean yang perlu dilaksanakan dengan segera. Ia turut membabitkan rakan dialog Asean+3, iaitu China, Jepun, dan Korea Selatan.

Beliau turut menekankan mengenai langkah penghapusan kemiskinan "yang perlu menjadi perancangan utama negara Asia Timur" walau pun negara rantau ini terus

mencapai kemakmuran.

"Hampir 170 juta penduduk berdepan masalah kemiskinan melampau pada 2005 manakala 585 juta penduduk Asia Timur hidup dengan pendapatan AS\$2 sehari. Bencana alam seperti tsunami, gempa bumi dan taufan memburukkan keadaan kemiskinan dan seterusnya krisis makanan," katanya.

Abdullah juga mengajak negara Asia Timur berusaha mewujudkan keamanan dan kemakmuran yang hakiki di rantau itu, di sebalik pelbagai cabaran dihadapi. Matlamat itu mampu dicapai asalkan setiap negara ditadbir dengan baik, membangunkan sumber manusia serta terbabit sepenuhnya dalam proses ke arah kemakmuran dan kemajuan.

Negara yang mengguna pakai model pembangunan yang salah, mengabaikan pendidikan rakyat dan tidak memberi kuasa kepada kerajaan serta mengasingkan diri dari dunia luar akan menyukarkan mereka keluar daripada belenggu kemiskinan dan ketinggalan.

Selain kemiskinan, bekalan makanan, peningkatan kos hidup susulan kenaikan harga minyak global, inflasi, negara Asia Timur juga berdepan isu pembangunan tidak seimbang antara negara, urus tadbir yang baik dan pertikaian mengenai wilayah.

Keamanan di rantau ini masih rapuh, dengan soal keselamatan masih dipengaruhi kepelbagaian politik, manakala perubahan kepemimpinan sesebuah negara akan turut menjurus kepada perubahan dasar.

"Usaha ini banyak bergantung terhadap apa yang kita boleh lakukan untuk kita (negara) sendiri. Tidak dinafikan bahawa keamanan dan kemakmuran serantau bermula pada peringkat nasional (masing-masing negara). Soal keselamatan khususnya, bergantung kepada kita sendiri," katanya.

Gesaan itu perlu disegerakan dan penting kerana agak memalukan untuk mengaitkan Asia Timur dengan kemakmuran, ekonomi maju dan pusat pertumbuhan masa depan, jika jutaan penduduk di rantau itu berlapar setiap hari.

Dalam pertemuan empat mata dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Yasuo Fukuda, Abdullah mempelawa syarikat Jepun turut serta dalam pembangunan industri halal yang giat dilaksanakan ketika ini, selain melabur dalam beberapa koridor

pembangunan dibuka kerajaan.

Ini memandangkan Malaysia memiliki kawasan luas terutama di Sabah dan Sarawak untuk pelaksanaan projek berskala besar, sama ada dalam bidang pertanian, akuakultur, ternakan dan perkilangan yang berkaitan pengeluaran makanan.

Penyertaan dalam bidang itu terutama pertanian, akan turut dapat menjayakan matlamat kerajaan menghasilkan bekalan makanan mencukupi untuk rakyat. Langkah itu juga dijangka dapat menangani masalah kenaikan harga barang makanan yang dihadapi negara seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Selain bidang pertanian dan usaha mewujudkan bekalan makanan yang mencukupi, katanya, Malaysia dan Jepun juga boleh bekerjasama dalam bidang penggunaan tenaga dan pembangunan teknologi yang cekap serta berkesan.

Berikutan kenaikan harga barang termasuk makanan susulan peningkatan harga minyak dan gas, beliau berkata, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

"Ini termasuk menggunakan teknologi tinggi seperti berkaitan bioteknologi bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi, selain digunakan dalam proses mengeluarkan barang makanan sama ada segar atau yang ditinkan," katanya.

Penekanan Abdullah terhadap pelaksanaan serta kerjasama dalam teknologi tinggi pertanian dan bioteknologi itu penting dan kena pada masanya dalam usaha meningkatkan kualiti hasil tanaman dan pengeluaran makanan.



Memandangkan peningkatan harga makanan dan kekurangan makanan adalah masalah yang tidak akan lenyap dalam tempoh terdekat, maka kerjasama lebih erat antara kedua-dua negara khususnya dalam bidang pertanian, mungkin sedikit sebanyak akan dapat menyumbang terhadap usaha menangani masalah itu.

Tidak dinafikan Jepun juga memerlukan bahan mentah bagi industri makanannya sendiri, yang bermakna pegawai kanan di Tokyo akan memberi pertimbangan serius menimbang saranan Abdullah, supaya dijalin kerjasama dalam bidang pertanian.

Abdullah turut memaklumkan kepada Fukuda mengenai keperluan untuk membangunkan teknologi yang dapat menjimatkan penggunaan tenaga, berikutan kenaikan harga minyak dan gas.

Satu lagi perkembangan positif hasil lawatan Perdana Menteri kali ini ialah tawaran pinjaman Yen oleh Fukuda bagi membiayai pembinaan Universiti Teknologi Antarabangsa Malaysia Jepun, selain meminjatkan tenaga pengajar dari negara itu.

Kesediaan negara matahari terbit itu ternyata dialu-alukan Malaysia berikutan cadangan projek berkenaan tergendala sejak beberapa tahun lalu, akibat kesukaran mendapatkan dana pembiayaan serta tenaga pengajar.

Pembinaan universiti berkenaan amat bermakna bagi Malaysia dalam usahanya untuk melatih lebih ramai lagi rakyat dalam bidang teknikal, selain boleh menonjolkan negara ini sebagai pusat pembelajaran teknikal terkemuka di rantau ini.

Sesungguhnya, lawatan Abdullah kali ini bukan saja mampu mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi sedia ada, malah akan dapat mengembangkan lagi bidang kerjasama.

Hubungan sedia ada antara Kuala Lumpur-Tokyo selama ini terus kukuh dan ia bersandarkan perangkaan perdagangan meningkat kepada RM120.7 bilion pada 2007 daripada RM115.7 bilion tahun sebelum. Keyakinan syarikat Jepun terhadap iklim pelaburan negara ini juga kekal kukuh apabila nilai pelaburan mereka di Malaysia meningkat kepada RM6.5 bilion tahun lalu daripada RM4.4 bilion pada 2006.